

AP: Rafidah diarah sedia laporan

BH - 8/7/2005

KUALA LUMPUR: Kabinet mengarahkan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, menyediakan laporan berhubung dakwaan 20 syarikat menerima 54,400 permit import (AP) kereta, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, mesyuarat jemaah menteri kelmarin menanyakan banyak perkara berkaitan AP dan Rafidah akan menyediakan maklumat lanjut mengenainya.

Beliau yang ditemui pemberita selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Mengenai Pengurusan Ilmu di sini semalam, berkata demi-

kian ketika ditanya sama ada Kabinet membincangkan isu itu yang dibangkitkan Penasihat Proton, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Selasa lalu, Dr Mahathir ketika menjawab kritikan terhadap Proton dan Ketua Eksekutifnya, Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff, turut mempersoalkan mengapa sedikit syarikat mendapat AP pada jumlah banyak sedangkan sejumlah besar syarikat lagi mendapat AP pada kadar sedikit.

Abdullah juga mengesahkan, Kabinet meminta Rafidah menulis surat kepada Dr Mahathir bagi menjelaskan pelbagai isu dibangkitkan itu.

“Rafidah akan menjawab semua isu dibangkitkan kerana isu ini berkaitan Miti”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

Perdana Menteri juga berkata, beliau sedang menunggu maklumat mengenai penerima AP tetapi dasar kerajaan tidak akan mengumumkan nama penerima berkenaan.

Di **IPOH**, Rafidah berkata, beliau akan mengemukakan penjelasan dan maklumat berhubung isu Proton dan dasar automotif negara kepada Dr Mahathir, melalui surat bila-bila masa.

Katanya, salinan surat itu sudah diserahkan kepada Perdana Menteri dan Timbalannya, Datuk Seri Najib Razak, sebelum beliau menyerahkannya kepada Dr Mahathir.



IKHWAN MUNIR | BERITA HARIAN

PENJELASAN: Rafidah akan hantar surat.